

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 20 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 62-100619
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan maklumat terkini tentang bagaimana pihak Kementerian bercadang untuk "Impak Sosial" (seperti "impak alam sekitar") kepada masyarakat dapat dilakukan supaya sesetengah projek pembangunan yang merosakkan masyarakat dapat dihentikan.
2. 17-100174
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan usahawan atau usaha sama usahawan tempatan yang berjaya mendapat kontrak negara asing. Daripada bilangan kontrak tersebut, berapakah telah ditandatangani dengan bantuan dan usaha Kementerian dan apakah usaha Kementerian yang telah dan akan diambil untuk membantu usahawan-usahawan tersebut.
3. 48-100035
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah implikasinya untuk tidak menaikkan kos petroleum sehingga 2006.
4. 76-100520
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk menanam kesedaran dan kefahaman rakyat bahawa isu Agenda Melayu bukan bertujuan memberi keutamaan tidak adil pada satu-satu kaum tetapi bertujuan meningkat keupayaan sosio-ekonomi sejumlah besar penduduk Malaysia dan merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi.

5. 45-100488
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah punca sebenar Pusat Makanan Halal di Pedas, Negeri Sembilan masih belum beroperasi.
6. 58-100469
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh murid-murid di sekolah rendah dan menengah dalam usaha Kementerian memperkenalkan program PPSMI (Pengajian dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) sejak tahun 2004-2005.
7. 9-100416
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai tuntutan berkaitan 44 jenis elaun yang dikemukakan kepada Agensi Pusat khususnya Perbendaharaan dalam memberi galakan kepada generasi muda menyertai Angkatan Tentera Malaysia.
8. 54-100078
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program yang telah dirancang dan disediakan di bawah RMK ke-9 untuk mempertingkatkan lagi prestasi atlet di Sarawak terutama sekali para belia.
9. 70-100068
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk menaikkan kadar takrif elektrik pada tahun depan akan membebankan rakyat.
10. 44-100336
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah bilangan kemalangan dalam negara sejak tahun 2003 mengikut pecahan umur mangsa yang terlibat.
11. 77-100505
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai ucapan belanjawan YAB. Perdana Menteri yang menganggarkan pertumbuhan KNK sebanyak 5.5% tetapi pakar-pakar ekonomi luar negeri hanya menganggarkan sebanyak 2.5% sahaja. Kenapa terlalu jauh bezanya, apakah Kerajaan telah optimistik. Jika pertumbuhan 2.5% dan kadar inflasi 3.7% bermakna kita akan menghadapi pertumbuhan yang negatif.

12. 38-100373
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di bandar-bandar seluruh negara.
13. 65-100162
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah tegas yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera tetap mantap kualitinya dan tidak gagal melaksanakan projek-projek penting.
14. 47-100331
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian dalam melaksanakan satu industri satu kampung dan berapakah nilai komersialnya.
15. 60-100453
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan-kesan positif yang dicapai setelah Kerajaan menghapuskan dasar tambatan ringgit. Berdasarkan pengalaman tersebut, apakah dasar berkenaan akan diguna pakai masa akan datang.
16. 29-100272
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian dan alasan Kementerian terhadap cadangan menambah bilangan ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan di kawasan yang maju dan mempunyai bidang tugas yang banyak serta liputan kawasan yang luas dibandingkan dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan yang belum membangun.
17. 74-100123
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk membantu golongan miskin terutamanya petani-petani dan nelayan-nelayan akibat daripada kenaikan harga minyak.
18. 7-100185
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - (a) apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk menghapuskan buta huruf di kalangan rakyat Malaysia; dan
 - (b) 100,000 murid di antara darjah dua hingga enam tidak mendapat menguasai 3 M. Apakah ia berlaku dan apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

19. 57-100370
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah penduduk negara ini yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian dan apakah statistik pecahan mereka mengikut kaum, kumpulan umur, jantina, negeri dan sektor pertanian.
20. 51-100144
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk membendung kegiatan kongsi gelap, khususnya di Lembah Klang dan sekitar Johor Bahru.
21. 21-100108
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada di bawah Rancangan Malaysia ke-9, berapakah peratus kampung-kampung di kawasan luar bandar/desa di Sabah yang akan dibekalkan dengan air paip dan elektrik dan jumlah peruntukan untuk pembangunan tersebut.
22. 43-100285
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab-sebab prestasi Universiti Malaya merosot berbanding dengan 200 Universiti terbaik dunia tahun ini.
23. 29-100222
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah peniaga-peniaga bumiputera yang telah berjaya dalam bidang perniagaan yang mereka ceburi dan apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kementerian bagi menambah bilangan bumiputera yang kekal berjaya dalam bidang perniagaan di seluruh Malaysia.
24. 77-100495
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan tahap kecemerlangan universiti tempatan dapat dipertingkatkan lagi dalam usaha memenuhi hasrat Kerajaan ke arah mewujudkan pekerja berilmu untuk 'K-Workers'.
25. 9-100417
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji supaya Bayaran Tanggungan Kerja diberi kepada anggota tentera yang terpaksa memikul beban kerja anggota yang berpangkat lebih tinggi terutama yang banyak berlaku dalam pasukan ATM.

26. 37-100008
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sambutan rakyat terhadap kempen "Kitar Semula". Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kempen ini kurang mendapat sambutan orang ramai. Adakah pihak Kementerian mempunyai rangka strategi yang lebih berkesan untuk membangkitkan semula penyertaan orang ramai dalam kempen "Kitar Semula" ini.
27. 18-100257
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan jangka panjang yang dapat diambil dalam mengembalikan mutu, kualiti dan kegemilangan Universiti Malaya yang dikatakan berada dalam kumpulan tercorot.
28. 52-100556
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian di dalam menggalakkan serta menarik minat pelancong-pelancong asing untuk mendapatkan rawatan serta pemeriksaan kesihatan di negara kita memandangkan ianya lebih murah dan berpatutan. Jikalau usaha ini telah pun dilaksanakan, adakah ianya menemui matlamat Kementerian serta berapakah jumlahnya dari tahun ke tahun untuk mengetahui perkembangannya.
29. 56-100103
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan tenaga gantian untuk kegunaan kenderaan di seluruh negara seperti NGV untuk membanteras kenaikan harga petrol.
30. 76-100530
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi yang akan diambil untuk menentukan yang Bank SME menjadi institusi kewangan yang dinamik, proaktif dan tidak tertambat pada sistem "red tape" yang melambatkan proses penilaian yang boleh membantutkan semangat keusahawanan yang merugikan Kerajaan.
31. 33-100050
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah untuk menangani banjir semula pekerja asing yang tidak berdaftar setelah Kerajaan berjaya menghantar mereka pulang dan setakat ini berapakah yang sudah kembali berdaftar untuk bekerja.

32. 68-100324
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan di dalam kempen 'Belia Benci Dadah', apakah kejayaan yang telah dicapai.
33. 38-100349
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca kemerosotan kedudukan Universiti Malaysia (UM) yang diiktiraf dalam kumpulan 200 universiti terbaik dunia daripada tangga ke 89 terbaik pada tahun lalu kepada tangga 169 tahun ini.
34. 19-100029
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berikutan usul Kerajaan untuk memansuhkan Seksyen 132 G Akta Syarikat dalam Bajet 2006, apakah mekanisme yang akan digunakan Kerajaan bagi mengelakkan konflik kepentingan dalam aktiviti pengambilalihan dan penggabungan aset yang mungkin melanggar kepentingan pemegang saham minoriti syarikat awam di Malaysia yang selama ini dilindungi oleh peruntukan berkenaan.
35. 20-100412
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) bilangan pesakit seperti AIDS, Tibi, penyakit kelamin dan lain-lain yang berkaitan kehadiran pendatang asing; dan
 - (b) apakah usaha-usaha yang dikenal pasti bagi menangani gejala penyakit ini.
36. 39-100223
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi membanteras penjualan dan penyeludupan mercun dan bunga api. Sehingga sekarang penjualannya masih lagi berleluasa dan dijual di tempat terbuka terutama di musim perayaan.
37. 30-100566
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah dan usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian bagi mengekalkan pencapaian yang cemerlang atlet-atlet sukan negara seperti badminton, hoki, bowling dan skuash agar sentiasa kekal dengan pencapaian tersebut.

38. 65-100166
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan butir-butir berikut mengenai Program Latihan Khidmat Negara:-
- (a) berapa peratus peserta yang hadir daripada jumlah yang dipanggil; dan
 - (b) berapa buah kem telah dibina sehingga kini serta belanja bagi seorang peserta yang telah tamat mengikuti program ini.
39. 46-100240
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan projek pendaratan gas dan petroleum di Songkhla. Berapakah kos yang telah dibelanjakan sehingga kini dan berapakah pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia. Berapakah pula bilangan pekerjaan yang terhasil secara langsung oleh projek ini yang diisi oleh rakyat Malaysia.
40. 45-100478
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan-tindakan positif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam Persidangan APEC di Pusan, Korea Selatan untuk menggalakkan pelaburan asing di negara ini.
41. 75-100594
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan antara tahun 1999 hingga Jun, 2005 jumlah keputusan kes-kes jenayah dan jenayah perdagangan yang didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Majistret atau Seksyen tetapi telah dipinda keputusan tersebut oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan apabila rayuan dibuat oleh mana-mana pihak serta jumlah keputusan kes-kes tersebut yang didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi tetapi telah di pinda keputusan tersebut oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan apabila rayuan dibuat oleh mana-mana pihak.
42. 49-100540
Dato' Omar bin Faudzar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keupayaan Kementerian dari segi saintifik dalam menentukan status halal bagi barang-barang yang diimport.

43. 46-100230
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
- (a) adakah terdapat apa-apa lesen yang perlu dipohon oleh mana-mana individu atau syarikat persendirian yang mahu menawarkan khidmat pinjaman kewangan dan apakah pula tindakan Kerajaan terhadap iklan-iklan pemberi pinjaman yang berleluasa dalam akhbar dan juga yang ditampal di tempat-tempat awam; dan
 - (b) berapa banyakkah aduan yang telah diterima daripada orang ramai serta bentuk aduan tersebut yang berkait dengan pemberi pinjaman tanpa lesen (Along).
44. 39-100225
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kurangnya guru lelaki di sekolah menjadi faktor kepada terjadi budaya samseng di sekolah. Guru-guru perempuan dilihat seolah-olah tidak mampu mengawal tingkah laku pelajar-pelajar ini. Apakah alternatif yang diambil bagi mengatasi masalah ini.
45. 20-100391
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah usahawan yang melibatkan diri sebagai petani moden dan apakah perancangan yang telah dikenal pasti dapat meningkatkan jumlah usahawan tani yang berjaya.
46. 40-100270
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek untuk menangani denggi berikutan kes yang berlaku setiap tahun. Adakah kempen kesedaran dan pendidikan kepada rakyat berkesan.
47. 18-100263
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kawalan yang dilakukan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam mengawal selia gaji maksimum yang dibiayai oleh persatuan-persatuan negeri.
48. 43-100296
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kanak-kanak terbiar dan merempat di seluruh negara dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan salah guna oleh pihak yang tertentu.

49. 72-100615
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM/ STPM dan mengikut statistik daripada peperiksaan percubaan tersebut berapakah yang layak untuk melanjutkan pengajian ke IPTA.
50. 60-100438
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai peruntukan serta merta jika berlaku kes seperti kebakaran dan lain-lain. Kenapakah Jabatan itu lambat menyelesaikan beberapa masalah orang ramai sehingga kes itu terpaksa disiarkan dalam akhbar dan TV seperti dalam rancangan 'Bersamamu'.
51. 30-100573
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan dan pegawai di Agensi Dadah Kebangsaan di seluruh negara.
52. 68-100327
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di dalam Bajet 2006, industri pembinaan melonjak daripada - 1.1% kepada 3.6% pertumbuhan. Apakah dan di manakah perbelanjaan yang sebenarnya dirancang yang boleh menunjukkan peningkatan yang tinggi ini.
53. 67-100301
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan "eko-tourism" berkembang pesat di Malaysia, terutamanya bagi konsep pelancongan berasaskan "home-stay" kerana ia memberi peluang pelancong mendekati dengan lebih rapat cara hidup rakyat negara ini dan tidak lagi hanya melihat kepada pembangunan pusat-pusat peranginan dan hotel-hotel yang kini mengalami kemerosotan akibat kurang mendapat tempahan.
54. 81-100639
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang akan dilakukan di dalam mengimbangi penguasaan ekuiti ekonomi negara di antara kaum-kaum di Malaysia yang mana kaum bumiputera semakin jauh ketinggalan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 23/2005) Rang Undang-undang Perbekalan 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [19 Disember 2005]**
2. (D.R. 24/2005) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 29/2005) Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 “
4. (D.R.30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 “
5. (D.R.27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005 “
6. (D.R.31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 “
7. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 “

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.36	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia Bagi Tahun 2004.	20 Disember 2005
CMD.38	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2004.	20 Disember 2005
CMD.39	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Bagi Tahun 2004.	20 Disember 2005
CMD.40	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2004	20 Disember 2005
ST.78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2003.	20 Disember 2005
ST.91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2001.	20 Disember 2005
ST.92	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2002.	20 Disember 2005
ST. 130	Perintah Fi (Pas Penggajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Kerja) (Pindaan) 2005.	20 Disember 2005
ST.131	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Rawang Selatan) 2005.	20 Disember 2005
ST.132	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebu Raya Koridor Guthrie) (No.2) 2005.	20 Disember 2005